

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 29 OKTOBER 2019

SOALAN NO. 9

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan masih mengenakan halangan kepada penjawat awam di negara ini untuk menyertai proses politik dan sistem demokrasi secara langsung dengan memegang jawatan dalam parti politik. Jika ya, apakah hukuman kepada mereka yang terlibat tanpa kebenaran majikan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Tahun 1993 : P.U. (A) 395/1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1996 serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2010 hanya membenarkan penjawat awam yang terdiri daripada Kumpulan Pelaksana sahaja dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga DG48 selain Pengetua/ Guru Besar / pegawai yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran dalam mana-mana agensi Kerajaan untuk terlibat aktif dalam politik atau memegang jawatan dalam parti politik. Keterlibatan penjawat awam ini perlulah mendapatkan kebenaran secara bertulis

daripada Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan masing-masing. Bagaimanapun, berdasarkan kepada Peraturan 21 (1) P.U. (A) 395/1993 penjawat awam di kalangan Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan & Profesional adalah dilarang daripada mengambil bahagian dalam politik di mana pegawai tidak boleh :

- i. membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada lisan atau bertulis, memberi pandangan yang berat sebelah atas perkara yang menjadi isu parti politik ;
- ii. menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah parti politik ;
- iii. merayu undi ;
- iv. menjadi ejen pilihanraya ;
- v. bertanding apa-apa jawatan parti politik ; dan
- vi. memegang jawatan di dalam parti politik.

Pada masa ini kerajaan belum memutuskan sebarang cadangan untuk membenarkan keseluruhan penjawat awam terlibat aktif dalam politik dan kebenaran diberi hanya sebagai ahli biasa sahaja. Sekiranya keterlibatan seseorang penjawat awam itu dibuat tanpa kebenaran ketua jabatan atau melanggar Peraturan 21 (1) P.U. (A) 395/1993, pegawai berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman bermula daripada amaran sehinggalah ke hukuman buang kerja tertakluk kepada tahap keseriusan kesalahan atau pelanggaran tatatertib yang dilakukan oleh pegawai.